

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PEMBUDAYAAN ILMU  
JKR (JKPPPI) BIL. 2/2016**

**TARIKH** : 9 Jun 2016 (Khamis)  
**TEMPAT** : Bilik Mesyuarat Delima, Tingkat 1, Blok G, Menara KKR 2  
**MASA** : 8.30 pagi hingga 12.30 tengahari

**AGENDA:**

1. Kata-kata Aluan Pengerusi Mesyuarat
2. Pengesahan Minit Mesyuarat Yang Lepas
3. Maklumbalas Status Tindakan Berbangkit
4. Taklimat Program Pembudayaan Ilmu JKR @ Persada Minda 2016 oleh Pn. Norhashima Mohamed Sulaiman
5. Taklimat Pembudayaan Ilmu oleh JKR Negeri Sembilan oleh En. Razman Md Darus
6. Taklimat Pembudayaan Ilmu oleh Cawangan Kejuruteraan Cerun oleh En. Ahmad Khairil Shahibi
7. Pembentangan Status Perancangan dan Pelaksanaan Aktiviti ECKM oleh Sr. Roznita Othman
8. Pembentangan Laporan Status CoP dan JCoP sehingga Jun 2016 oleh En. Khairil Hizar Md Khuzaimah
9. Hal-hal Lain

**KEHADIRAN:**

**A. IBU PEJABAT**

| Bil | Nama Pegawai                              | Cawangan                                       |
|-----|-------------------------------------------|------------------------------------------------|
| 1   | Tn. Hj. Mohd. Rahim Kawangit (Pengerusi)  | Caw. Perancangan Aset Bersepadu                |
| 2   | Sr. Roznita Othman                        | Caw. Perancangan Aset Bersepadu                |
| 3   | Ir. Wan Abdul Rahman Wan Hassan           | Caw. Jalan                                     |
| 4   | Pn. Arbaah Abu                            | Caw. Kejuruteraan Mekanikal                    |
| 5   | Ir. Fithry Mohd Amir (Urusetia)           | Caw. Latihan dan Inovasi                       |
| 6   | En. Effendi Mohd. Sood                    | Caw. Dasar dan Pengurusan Korporat             |
| 7   | En. Ahmad Khairil Shahibi                 | Caw. Kejuruteraan Cerun                        |
| 8   | En. Mahalil Mohtar                        | Caw. Kejuruteraan Infrastruktur & Pengangkutan |
| 9   | En. Khairil Hizar Md Khuzaimah (Urusetia) | Caw. Latihan dan Inovasi                       |

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PEMBUDAYAAN ILMU  
JKR (JKPPPI) BIL. 2/2016**

|    |                                                |                                    |
|----|------------------------------------------------|------------------------------------|
| 10 | En. Mohamad Lokman Mohamad Ali                 | Caw. Kejuruteraan Awam & Struktur  |
| 11 | En. Muzamir Izham Mustafa                      | Caw. Kerja Kesihatan               |
| 12 | Pn. Nurul Huda Aminudin (Urusetia)             | Caw. Latihan dan Inovasi           |
| 13 | Pn. Suhaila Lazim                              | Caw. Senggara Fasiliti Jalan       |
| 14 | Pn. Norhashima Mohamed Sulaiman                | Caw. Dasar dan Pengurusan Korporat |
| 15 | En. Mohd. Azwan Bakar                          | Caw. Perancangan Aset Bersepadu    |
| 16 | En. Muhammad Izzat Ishak                       | Caw. Kejuruteraan Elektrik         |
| 17 | Pn. Nor Parzila Binti Abdul Ghaffar (Urusetia) | Caw. Latihan dan Inovasi           |
| 18 | En. Meor Ridzwan Ismail                        | Caw. Kerja Keselamatan             |
| 19 | Pn. Ainun Syazwani Md Zokhi                    | Caw. Kontrak & Ukur Bahan          |

**B. JKR NEGERI**

| Bil | Nama Pegawai               | JKR Negeri                     |
|-----|----------------------------|--------------------------------|
| 20  | Ir. Suhaili Mansor         | JKR Terengganu                 |
| 21  | En. Razman Md Darus        | JKR Negeri Sembilan            |
| 22  | En. Abdul Satar Muhammad   | JKR Pulau Pinang               |
| 23  | En. Ahmad Firdaus Md Nor   | JKR Selangor                   |
| 24  | En. Azrul Hanif Ab Halim   | JKR Pahang                     |
| 25  | Ir. Henry Lue Leong Shen   | JKR Wilayah Persekutuan Labuan |
| 26  | Pn. Kueh Hiong Mui         | JKR Melaka                     |
| 27  | Pn. Aniza Adznan           | JKR Perak                      |
| 28  | Pn. Siti Norwahizan Misman | JKR Kedah                      |
| 29  | Pn. Arini Saleh@Aman       | JKR Kesedar                    |

**PERBINCANGAN MESYUARAT**

| BIL        | PERKARA                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | TINDAKAN                         |
|------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------|
| <b>1.0</b> | <b><u>Kata-kata Aluan Pengerusi Mesyuarat</u></b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |                                  |
| 1.1        | Pengerusi Mesyuarat mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada semua kerana dapat hadir ke mesyuarat ini.                                                                                                                                                                                                                                                                                      |                                  |
| 1.2        | Beliau menekankan kepentingan <i>Knowledge Management</i> bagi mengatasi masalah ' <i>brain drain</i> ' dalam JKR sekiranya pegawai-pegawai JKR bersara ataupun meletakkan jawatan.                                                                                                                                                                                                                    | Makluman                         |
| 1.3        | Pengurus Pengetahuan yang hadir hendaklah memaklumkan perkara-perkara yang disampaikan di dalam mesyuarat kepada kakitangan di Cawangan/Negeri masing-masing. Pengurus Pengetahuan juga diminta untuk menyelia maklumat/pengetahuan yang ada di dalam sistem JPedia bagi memastikan maklumat/pengetahuan yang ada adalah yang terkini dan memenuhi keperluan maklumat/pengetahuan pegawai-pegawai JKR. | Makluman                         |
| <b>2.0</b> | <b><u>Pengesahan Minit Mesyuarat Yang Lepas</u></b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |                                  |
| 2.1        | Mesyuarat disahkan oleh Ir. Suhaili Mansor dan disokong oleh Ir. Henry Lue Leong Shen.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | Makluman                         |
| <b>3.0</b> | <b><u>Makluman Status Tindakan Berbangkit</u></b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |                                  |
| 3.1        | Sr. Roznita Othman memohon Pengarah Cawangan/Negeri untuk melantik semula Pengurus Pengetahuan/Ahli Gantian yang telah bertukar dan memaklumkan pertukaran pegawai Pengurus Pengetahuan kepada Unit ECKM.                                                                                                                                                                                              | Pengurus Pengetahuan             |
| 3.2        | Pengurus Pengetahuan diminta untuk membantu Pengarah-pengarah Cawangan/Negeri untuk mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Unit ECKM telah mengedarkan <i>Strategic Framework</i> melalui emel kepada Pengurus Pengetahuan sebagai rujukan KPI.                                                                                                                                                       | Pengurus Pengetahuan             |
| 3.3        | Sr. Roznita Othman memohon kerjasama daripada semua Pengurus Pengetahuan yang masih belum menghantar Laporan Pembudayaan Ilmu 2015 dan Laporan Pembudayaan Ilmu bulan Januari – Jun 2016 supaya menghantar laporan kepada Urusetia dengan kadar segera. Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa Unit ECKM akan                                                                                              | Pengurus Pengetahuan / Unit ECKM |

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PEMBUDAYAAN ILMU**  
**JKR (JKPPPI) BIL. 2/2016**

| <b>BIL</b> | <b>PERKARA</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | <b>TINDAKAN</b>                         |
|------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------|
| 3.4        | mengedarkan format pelaporan baru kepada Pengurus Pengetahuan Cawangan/Negeri.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | Unit Perpustakaan & Sumber, CDPK        |
| 3.5        | Mesyuarat dimaklumkan CDPK masih dalam proses perancangan untuk mewujudkan perpustakaan mini di Lobi Blok G di mana semua kakitangan digalakkan untuk menderma buku/majalah dan buku/majalah tersebut boleh dipinjam ataupun terus diambil.                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |                                         |
| 4.0        | <b><u>Pembentangan Perancangan Program Persada Minda 2016 oleh Pengurus Pengetahuan Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat</u></b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | Unit Perpustakaan & Sumber, CDPK / CPAB |
| 4.1        | Pn. Norhashima Mohamed Sulaiman memaklumkan program Persada Minda 2016 akan diadakan pada 28 hingga 29 September 2016 bertempat di Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid. Mesyuarat turut dimaklumkan perkara berikut; <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Tema program - Komunikasi Jendela Ilmu</li> <li>b) Objektif program - Meneroka dan menyemarakkan ilmu melalui kepelbagaian saluran komunikasi</li> <li>c) Pengisian program - <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Perkongsian ilmu</li> <li>ii) Bual bicara</li> </ul> </li> </ul> |                                         |
| 5.0        | <b><u>Perkongsian Program Pembudayaan Ilmu oleh Pengurus Pengetahuan JKR Negeri Sembilan</u></b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | Makluman                                |
| 5.1        | En. Razman Md Darus membentangkan Program Pembudayaan Ilmu di JKR Negeri Sembilan. Antara aktiviti yang dijalankan adalah; <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bengkel dan kursus</li> <li>b) Program <i>Knowledge Sharing</i></li> <li>c) Sistem pengurusan pengetahuan melalui laman web JKR Negeri Sembilan</li> <li>d) Penyediaan ruang dan bahan rujukan</li> </ul>                                                                                                                                                                  |                                         |

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PEMBUDAYAAN ILMU**  
**JKR (JKPPPI) BIL. 2/2016**

| BIL | PERKARA                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | TINDAKAN |
|-----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|
| 5.2 | Pengerusi mencadangkan agar JKR Negeri Sembilan memohon peruntukan dari CPAB untuk program Tuisyen <i>Professional Engineer</i> bagi Pegawai P&P dan program Pemahaman Lukisan Kerja jika perlu                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | Makluman |
| 6.0 | <b><u>Perkongsian Program Pembudayaan Ilmu oleh Pengurus Pengetahuan Cawangan Kejuruteraan Cerun</u></b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |          |
| 6.1 | En. Ahmad Khairil Shahibi membentangkan Program Pembudayaan Ilmu di Cawangan Kejuruteraan Cerun yang meliputi bengkel/kursus berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bengkel Pemurnian Borang PROFORMA (Cerun)</li> <li>b) Kursus <i>Digital Incident</i> PROFORMA</li> <li>c) Kursus <i>Geografic Information System</i> (ISMAS)</li> <li>d) <i>International Conference of Landslide</i></li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | Makluman |
| 7.0 | <b><u>Penyampaian Sijil Perlantikan Kepada Pengurus Pengetahuan dan Ahli Gantian</u></b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |          |
| 7.1 | Pengerusi menyampaikan sijil perlantikan kepada Pengurus Pengetahuan dan Ahli Gantian yang baru dilantik iaitu; <p><u>Pengurus Pengetahuan -</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Ir. Maznah Ahmad – Caw. Senggara Fasiliti Bangunan (tidak hadir)</li> <li>b) Ir. Kanagarajah Rasiah – Caw. Kejuruteraan Geoteknik (tidak hadir)</li> <li>c) En. Muzamir Izham Mustafa - Caw. Kerja Kesihatan</li> <li>d) En. Abu Gaffar Abu – Caw. Arkitek (tidak hadir)</li> <li>e) En. Mohamad Lokman Mohamad Ali – Caw. Kejuruteraan Awam &amp; Struktur</li> <li>f) Ir. Aishah Hazlina Md Dean – Caw. Kejuruteraan Mekanikal (tidak hadir)</li> <li>g) Ir. Suhaili Mansor – JKR Terengganu</li> </ul> <p><u>Ahli Gantian -</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) En. Ahmad Khairil Sahibi – Caw. Kejuruteraan Cerun</li> <li>b) En. Eng Boon Cheng - Caw. Kejuruteraan Geoteknik (tidak hadir)</li> <li>c) Pn. Nor Akma Abdul Rahman - Caw. Kejuruteraan Awam &amp; Struktur (tidak hadir)</li> </ul> | Makluman |

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PEMBUDAYAAN ILMU  
JKR (JKPPPI) BIL. 2/2016**

| BIL         | PERKARA                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       | TINDAKAN                        |
|-------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------|
| <b>8.0</b>  | <b><u>Pembentangan Perancangan dan Pelaksanaan Aktiviti ECKM</u></b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |                                 |
| 8.1         | Sr. Roznita Othman membentangkan status pelaksanaan aktiviti ECKM sehingga bulan Jun dan perancangan sehingga Disember 2016. Mesyuarat dimaklumkan aktiviti yang dirancang termasuklah program <i>Roadshow</i> ECKM, Bengkel JCoP dan JPedia, <i>Workshop Project Lesson Learned</i> , Seminar CoP, KM Audit dan Persada Minda 2016.                                                                                          | Makluman                        |
| <b>9.0</b>  | <b><u>Laporan Status CoP dan JCoP sehingga Jun 2016</u></b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |                                 |
| 9.1         | En. Khairil Hizar Md Khuzaimah membentangkan status CoP dan JCoP yang telah dilaksanakan iaitu; <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Seminar KConnect 2016 pada 17 Mei 2016</li> <li>b) K-Sharing Session CoP BIM pada 29 Mac 2016 dan 2 Jun 2016</li> <li>c) Pembentangan kertas kerja mengenai CoP dan JCoP JKR dalam PAQS 2016 pada 23-24 Mei 2016</li> <li>d) Bengkel JCoP pada 9 Mei 2016 dan 2 Jun 2016</li> </ul> | Makluman                        |
| <b>10.0</b> | <b><u>Hal-hal Lain</u></b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |                                 |
| 10.1        | Puan Kueh Hiong Mui memaklumkan terdapat kekangan peruntukan bagi membeli bahan rujukan dan mencadangkan agar pembelian <i>e-book</i> dilaksanakan dan <i>e-book</i> tersebut dimasukkan dalam JPedia untuk perkongsian.                                                                                                                                                                                                      | Unit Perpustakaan/Unit ECKM     |
| 10.2        | Ir. Wan Abdul Rahman Wan Hassan memaklumkan tiada peruntukan untuk cetakan bagi dokumen standard bagi tujuan edaran dalaman. Mesyuarat mencadangkan agar edaran dalaman dibuat melalui emel ataupun newsletter.                                                                                                                                                                                                               | Makluman                        |
| 10.3        | Puan Kueh Hiong Mui meminta Cawangan Latihan & Inovasi memasukkan nota kursus bagi kursus yang dianjurkan oleh Cawangan Latihan & Inovasi dalam JPedia.                                                                                                                                                                                                                                                                       | Unit ECKM / CLI                 |
| 10.4        | Ir. Suhaili Mansor mencadangkan <i>coffee table talk</i> dibincangkan dalam Mesyuarat JKPPPI yang akan datang.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | Unit ECKM                       |
| 10.5        | Sr. Roznita Othman memohon JKR Negeri Selangor untuk membantu menguruskan Seminar CoP dan Mesyuarat JKPPPI Bil. 3/2016 yang dirancang diadakan di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, Shah Alam pada bulan                                                                                                                                                                                                                 | Unit ECKM / JKR Negeri Selangor |


**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PEMBUDAYAAN ILMU  
JKR (JKPPPI) BIL. 2/2016**

| BIL  | PERKARA                                                                                                                                                                | TINDAKAN |
|------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|
|      | September 2016.                                                                                                                                                        |          |
| 11.0 | <b><u>Penutup</u></b>                                                                                                                                                  |          |
| 11.1 | Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan juga maklumbalas yang telah diberikan. Mesyuarat ditangguhkan kepada tarikh yang akan diberitahu kelak. | Makluman |

Disediakan oleh:

  
.....  
**NOR PARZILA BINTI ABDUL GHAFFAR**  
Penolong Pengarah  
Unit ECKM  
Caw. Perancangan Aset Bersepadu

Disemak oleh:

  
.....  
**Sr. ROZNITA BINTI OTHMAN**  
Pengarah Kejuruteraan  
Unit ECKM  
Caw. Perancangan Aset Bersepadu